



GABUNGAN PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH BERASRAMA PENUH MALAYSIA
(PPM-011-10-25042012)

MESYUARAT AGUNG 2025

TARIKH: 15 JUN 2025

HARI: AHAD

MASA: 2.30 PETANG

**TEMPAT: TINGKAT 4, BANGUNAN MCOBA, JALAN SYED
PUTRA, KUALA LUMPUR**

**GABUNGAN PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH BERASRAMA PENUH
MALAYSIA (GPASBP)**

(Berdaftar dibawah Akta Pendaftar Pertubuhan 1966)

(No. Pendaftaran: PPM-011-1025042012)

**LAPORAN TAHUNAN GPASBP
BAGI AKTIVITI TAHUN 2025**

KANDUNGAN

PERKARA	M/S
Aturcara Majlis & Agenda Mesyuarat.....	3
Senarai Ahli Jawatankuasa 2024-2026.....	4
Minit Mesyuarat Agung Tahun 2024.....	6
Laporan Tahunan GPASBP 2024	22
Penyata Kewangan GPASBP berakhir 31 Disember 2024.....	35
Penyata Keahlian GPASBP	39

ATURCARA MAJLIS & AGENDA MESYUARAT

Tarikh : Ahad, 15 Jun 2025
Masa : 2.30 petang
Tempat : Tingkat 4, Bnagunan MCOBA, Kuala Lumpur

Agenda	Perkara
Agenda 1	Ucapan Pengacara Majlis
Agenda 2	Bacaan Doa
Agenda 3	Ucapan Pengerusi GPASBP
Agenda 4	Pembentangan dan Pengesahan minit mesyuarat agung 2024 bertarikh 27 April 2024
Agenda 5	Pembentangan dan Pengesahan Laporan Aktiviti Tahun 2024 GPASBP oleh Setiausaha
Agenda 6	Pembentangan dan Pengesahan Laporan Kewangan Berakhir 31 Disember 2024 oleh Bendahari
Agenda 7	Perkara Berbangkit
Agenda 8	Pembentangan dan Pembahasan Usul-usul (Jika ada)
Agenda 9	Ucapan Penangguhan Presiden GPASBP

SENARAI AHLI JAWATANKUASA GPASBP 2024-2026

Bil	Jawatan	Nama Penyandang	ALUMNI
1.	Pengerusi	YM Dato' Tunku Ahmad Burhanuddin bin Tunku Adnan	MCOBA
2.	Timbalan Pengerusi	Mohammad Hatta bin Husin	ASPUTRA
3.	Naib Pengerusi 1	YBhg Dato' Ir. Muhammad Imran bin Baharuddin	EXSAS
4.	Naib Pengerusi 2	Nily Asmah binti Muhani	SRIKANDI
5.	Setiausaha	Dr. Mazlan bin Che Soh	SMACHIAN
6.	Penolong Setiausaha	Azmir Ilias	ALKIS
7.	Bendahari	Mohd Neezal Md Nordin	ALSPEN
8.	Pen Bendahari	Izharul Khairi Taharuddin	ALUMNI SAINA
9.	Ahli Jawatankuasa	Dr. Maryati Maharon	PRESSTIJ
10.	Ahli Jawatankuasa	Ahmad Mustafa Kamal bin Salim	ANNADI
11.	Ahli Jawatankuasa	M. Suhaimi Zainuddin	ALUMNI SMSS
12.	Ahli Jawatankuasa	Mohd Fairuz Jamazul Anuar Jamaludin	ALUMNI SMSAH/JENAN
13.	Ahli Jawatankuasa	Abdul Muthalib Zulkarnain	EX-SEMESDIANS

**Minit Mesyuarat Agung 2024 bertarikh
27 April 2024**

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN 2024
GABUNGAN PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH BERASRAMA PENUH MALAYSIA

Tarikh : 27 April 2024
Hari : Sabtu
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Kelab Shah Alam, Selangor

Kehadiran

A. Ahli Jawatankuasa

1. Dr. Ab Wahab Che Mat	-	Pengerusi GPASBP
2. Mohammad Hatta bin Husin	-	Timbalan Pengerusi GPASBP
3. Nur Asyati Abdullah	-	Naib Presiden 2 GPASBP
4. Dr. Mazlan bin Che Soh	-	Setiausaha GPASBP
5. Mohd Neezal bin Nordin	-	Bendahari GPASBP
6. Mohammad Nazir bin Md Shah	-	Pen Setiausaha GPASBP
7. Izharul Khairi	-	Pen Bendahari GPASBP
8. Mohammed Fawaz bin Kamaruddin	-	AJK GPASBP
9. M. Suhaimi Zainuddin	-	AJK GPASBP
10. Najib Mohamad	-	AJK GPASBP
11. Muhammad Nazeef Edrus Che Rus	-	AJK GPASBP
12. Abdul Muiz Jaafar	-	AJK GPASBP
13. Azli bin Salleh	-	Juru audit GPASBP

B. Perwakilan

1. Datuk Hafsah Hashim	-	MGC/TKCOGA
2. Lydia Faraheeda Asroof	-	MGC/TKCOGA
3. Faizol bin Arshad	-	ASPUTRA
4. Mohd Hanis	-	ASPUTRA
5. Zaini B Sulaiman	-	ALUMNI SMSS
6. Nor Izzatun Uda	-	ALUMNI SMSS
7. Mohd Fuad Kamal Ariffin	-	EXSAS
8. Noor Izaanin	-	SMSAH/JENAN
9. Azlin Satar	-	SMSAH/JENAN
10. Wan Mohd Nazri Wan Mahmud	-	SMACHIAN ALUMNI
11. PM Dr. Aman Mohd Ihsan Mamat	-	SMACHIAN ALUMNI
12. Dr Maryati Maharon	-	PRESSTIJ
13. Datuk Dzulkifly Mohd Zain	-	MCOBA
14. Dato' Megat Abdul Munir	-	MCOBA
15. Norsyahrin Hamidon	-	SHAH PEKAN

16. Ahmad Mustafa Kamal Salim	-	ANNADI
17. Mohd Aslam Nor Zahari	-	ANNADI
18. Muthalib Zulkarnain	-	EX-SEMESDIANS
19. Rizan Hj Ali	-	EX-SEMESDIANS
20. Lt Kol Hassan Basri Tajul Ariffin TUDM	-	MySESMA
21. Mohd Asri Yusof	-	MySESMA
22. Helmy Kushairy	-	ASSAK
23. Abd Rahim Ahmad	-	ASSAK
24. Mokhsin Suratman	-	ALUMNI SAMURA
25. Fatin Hanani	-	ALUMNI SAMURA
26. Mohd Junaizee Mohd Nor	-	ASAS
27. Dato' Rostam Salleh	-	ASAS
28. Mu-izzuddin bin Harun	-	AITEM
29. Shamsudin Muhamad	-	ASTA
30. M Wafi Muhamed	-	ALUMNI SAINA
31. Ruth Sabrina Safferi	-	ALUMNI SAINA
32. Azizul	-	SDARA
33. Puteri Syafawati Faizan	-	PUTERI
34. Mohd Nazli Yaakub	-	ALKIS
35. Nadia Zaireen Omar	-	ASTI
36. Yusnida Yusof	-	IKMAL
37. Azrina Mohamad	-	IKMAL
38. Khairul Husaini bin Jamil	-	ALKIS

C. PEMERHATI

1. W. Khairulanwar	-	SESTER
2. Najwa Syazani binti Hamzatulhikmal	-	SGS (TIARA)
3. Nursyahmina Athirah Azman	-	SGS (TIARA)

Tidak hadir (Dengan Maaf)

1. Asrul Sani Ahmad Shahrin	-	Naib Presiden 1
2. Prof Jamia Azdina Jamal	-	Juru audit GPASBP

1. Ucapan Pengerusi GPASBP

- 1.1 Dr Ab Wahab Che Mat selaku Pengerusi Gabungan Persatuan Alumni Sekolah Berasrama Penuh Malaysia Merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli dan pemerhati yang dapat meluangkan masa pada hari minggu serta hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan Gabungan pada hari ini

- 1.2 Pengerusi Gabungan mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Maaf Zahir Batin kepada semua perwakilan yang hadir pada hari ini dengan kita mengambil ibrah dari bulan Syawal ini marilah kita sama-sama merapatkan ukhuwah dan silaturahim sesama kita.
- 1.3 Tahun 2023 kita telah berjaya mengadakan Mesyuarat Agung tahunan bertempat di Kelab Golf Perkhidmatan Awam Kuala Lumpur pada 11 Jun 2023.
- 1.4 Gabungan juga telah menganbil inisiatif pada tahun 2023 untuk bekerjasama dengan ahli gabungan dengan mengumpulkan maklumat berhubung kerja-kerja baik pulih atau Cadangan projek penyelenggaraan. Dokumen ini telah diserahkan kepada Pengarah BPSBP pada bulan Mei 2023 beserta beberapa perkara menerusi satu memorandum dimana ianya kini dalam proses untuk dibuat susulan.
- 1.5 Tahun 2023 juga menyaksikan 10 buah Sekolah Menengah Sains mencecah usia 50 tahun dengan pelbagai program dan aktiviti dianjurkan sebagai manifestasi terhadap pencapaian Jubli Emas.
- 1.6 Pihak Gabungan dan alumni turut dijemput dalam sesi Townhall Bersama YB Menteri Pendidikan: Naratif Baharu Transformasi SBP yang telah diadakan di Kolej Tunku Khurshiah, Nilai, Negeri Sembilan.
- 1.7 Gabungan juga telah berjaya dengan kerjasama MGC/TKOGA mengadakan program Up Close and Personal Bersama Ketua Hakim Negara Kumpulan kerja Pendidikan telah mengorak langkah dan mengadakan kerjasama strategik bersama Bank Rakyat. Beberapa inisiatif ini telah dan akan dilaksanakan pada tahun 2023.
- 1.8 Usaha dan kolaborasi bersama Bank Rakyat terus diperkasakan pada tahun 2023 menerusi program rewang semasa bulan Ramadhan bersama tiga buah sekolah, serta perbincangan untuk memuktamadkan Bank Rakyat Inspire Greater height Talent (BRIGHT) diteruskan.
- 1.9 Program Outreach pada tahun lepas diteruskan di Sek Menengah Sains Pokok Sena dengan latihan kepada “pool” fasilitator juga telah dilaksanakan dnegan hampir 60 orang fasi sehingga kini Kumpulan kerja Sukan dan Rekreasi telah mengadakan kerjasama strategik bersama Tigre Sporting Empire (Tigre Arena) dan menyaksikan beberapa program telah bermula pada tahun ini.
- 1.10 Kumpulan kerja Kebajikan meneruskan sumbangan biasiswa B40 ke SM Sains Tengku Abdullah.

1.11 Kumpulan kerja Sukan dan Rekreasi telah berjaya menganjurkan Liga Bolasepak Alumni Sekolah Berasrama Penuh menerusi kerjasama strategik bersama Tigre Sporting Empire (Tigre Arena).

1.12 Kumpulan kerja keusahawana juga telah mengadakan beberapa siri berkait keusahawanan menerusi kerjasama beberapa agensi

2 Pembentangan dan Pengesahan Minit Mesyuarat Agung 2023

2.1 Mesyuarat telah menerima pembentangan minit mesyuarat agung GPASBP tahun 2022 oleh Setiausaha bagi mesyuarat yang telah diadakan pada 02 April 2022 tertakluk dengan pindaan jika ada.

2.2 Minit mesyuarat telah dicadang untuk disahkan oleh Dr Maryati dari PRESSTIJ dan dan disokong oleh Sdr Azizul dari SDARA.

3 Pembentangan dan Pengesahan Laporan Aktiviti GPASBP 2023

3.1 Sdr Dr. Mazlan Che Soh, Setiausaha GPASBP menarik perhatian ahli mesyuarat untuk merujuk di muka surat 20 hingga 26 dokumen Laporan Tahunan GPASBP AGM 2024 bagi meneliti laporan aktiviti GPASBP bagi tahun 2023 sebagaimana berikut:-

i. Laporan Urusetia/Sekretariat

Urusetia/Sekretariat digerakkan oleh Dr. Mazlan Che Soh, Setiausaha dan dibantu Mohd Nazir M Shah selaku Penolong Setiausaha. Laporan Urusetia/Sekretariat sepanjang tahun 2023 adalah seperti berikut:-

- a. Gabungan mengambil inisiatif untuk "*compile*" maklumat Penyelenggaraan dan baik pulih sekolah menerusi alumni.
- b. Mesyuarat Exco bil 4 telah diadakan di Tigre Arena, Sungai Buloh pada 04 Februari 2023.
- c. Mesyuarat Exco Bil 5 telah diadakan di Bangi Square 2 pada 06 Ogos 2023.
- d. Mesyuarat Exco Bil 6 telah diadakan di Wisma SDARA pada 19 Oktober 2023.
- e. Memenuhi jemputan ASAS bagi hadir Majlis Makan Malam Tahunan ASAS 2023 pada 11 Februari 2023 bertempat di Dewan Tun Abdul Razak, Menara Kembar Bank Rakyat.
- f. ASAS menamakan En Asrul Sani bin Ahmad Shahrin sebagai Naib Pengerusi Gabungan menggantikan tempat Tn Haji Roslan susulan AGM ASAS pada 17 Jun 2023. Ucapan tahniah diucapkan kepada Tuan Haji Roslan atas segala khidmat bakti kepada Gabungan sepanjang berkhidmat sebagai Naib Pengerusi.

- g. Timbalan Pengerusi Gabungan mengadakan perbincangan bersama Presiden Persatuan Alumni Sains Sabah (SMESH) pada 11 Februari 2023 di Kota Kinabalu, Sabah.
- i) Perbincangan khas oleh Exco Gabungan secara online berhubung isu drama bersiri High Council telah diadakan pada 1 Mac 2023.
- j) Perbincangan khas di MCOBA berhubung isu drama High Council di MCOBA 3 Mac 2023.
- k) Exco Gabungan memenuhi jemputan berbuka puasa dari Alumni Shah Pekan di KL pada 12 April 2023.
- l) Perbincangan tidak rasmi sebahagian exco gabungan di Bandar Seri Putra, Bangi pada 10 April 2023.
- m) Perjumpaan Bersama Pengarah BPSBP baru dan Exco Gabungan di Pejabat BPSBP, Cyberjaya pada 11 Mei 2023.
- n) Menyerahkan memorandum dari Gabungan kepada Pengarah BPSBP semasa perjumpaan pada 11 Mei 2023.
- o) Menyerahkan senarai cadangan kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang dihantar oleh alumni bagi sekolah masing-masing kepada Pengarah SBP semasa pertemuan pada 11 Mei 2023.
- p) Sebahagian Exco gabungan memenuhi jemputan MCOBA ke Jamuan Hari Raya pada 7 Mei 2023 di Wisma MCOBA.
- q) Sebahagian Exco gabungan memenuhi jemputan Alumni Faris Petra ke Majlis Makan Malam sempena 50 tahun di Hotel Concorde Shah Alam pada 17 Jun 2023.
- r) Sebahagian Exco Gabungan telah memenuhi undangan dari ASAS ke Majlis Rumah Terbuka pada 13 Mei 2023 di Dewan Lavendar, Pusat Komuniti Komuniti Bukit Damansara.
- s) Sebahagian Exco Gabungan memenuhi jemputan BPSBP ke Majlis Jamuan Hari Raya pada 19 Mei 2023.
- t) Memenuhi undangan SMS Selangor ke majlis sambutan 50 tahun pada 21 Mei 2023.
- u) Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari ke Bank Rakyat KL Main pada 2 Jun 2023 bag urusan pembukaan akaun (khas untuk Tabung Kebajikan Gabungan).
- v) Mesyuarat Agung Tahunan GPASBP 2023 telah diadakan pada 11 Jun 2023 di KGPA, KL.
- w) Empat wakil Exco Gabungan hadir jemputan BPSBP ke Bengkel Transformasi SBP pada 21 Jun 2023 di Hotel Mardhiyyah, Shah Alam.
- x) Exco Gabungan memenuhi jemputan SSP/BPSBP ke Majlis Makan Malam Penutup Program Kepimpinan Murid di SSP pada 6 September 2023.
- y) Exco Gabungan mengikuti dan membantu menjayakan program bersama tokoh alumni sempena kepimpinan murid pada 7 September 2023.
- z) Pengerusi Gabungan memenuhi undangan SMACHIAN ALUMNI bagi sambutan Homecoming dan ulang tahun ke 40 SMACH pada 16 September 2023 di SMACH.

- aa) Memenuhi jemputan dari Alumni SAINA ke majlis makan malam Alumni SAINA di Hotel Raaia, Alor Setar, Kedah pada 7 Oktober 2023.
- bb) Memenuhi jemputan EXSAS ke Majlis Makan Malam Perdana EXSAS sempena perayaan Jubli Emas EXSAS pada 21 Oktober 2023 di SEMSAS, Kuantan.
- cc) Jemputan Exco GPASBP untuk Dinner Jenan 60 tahun pada 9 Disember 2023 di Dewan Perdana Felda.
- dd) Memenuhi jemputan MCOBA ke majlis makan malam di Hotel Shangri la KL pada 9 Disember 2023.
- ee) Memenuhi jemputan ASTI ke majlis sambutan 40 tahun ke di SEMESTI pada 9 Disember 2023.
- ff) Memenuhi jemputan PRESSTIJ pada 24 November 2023 di Hotel Movenpick ke majlis makan malam sempena sambutan 50 tahun Sek Men Sains Tuanku Jaafar.

ii. Laporan Kumpulan Kerja Pendidikan

Kumpulan Kerja Pendidikan Gabungan terdiri dari ahli-ahli seperti berikut:-

- a. Encik Aidie Jantan - Penasihat
- b. Dr Ab Wahab Che Mat – Pengerusi
- c. Mohd Hatta Husin – Timbalan Pengerusi
- d. Dr Mazlan Che Soh – Setiausaha
- e. Kamalruzaman Ramlee -Ahli
- f. Prof Madya Dr Mohd Aman Ihsan Mamat – Ahli
- g. Ir Abdul Hamid Mohd Zin – Ahli
- h. Prof Dr Jamia – Ahli
- i. Puan Sharifah Zaida – Ahli

Sepanjang tahun 2023, di antara aktiviti Kumpulan Kerja ini adalah:-

- a. Perjumpaan dengan Ketua Pengarah Arkib Negara pada 27 Januari 2023 bagi perbincangan Sambutan 50 Tahun SMS – Majlis Pengkisahan Sejarah SMS dihadiri Timbalan Pengerusi Gabungan.
- b. Mesyuarat Bersama Bahagian SBP berhubung Pertandingan Menulis Esei Sejarah SBP pada 26 Januari 2023 dipengerusikan Dr Rohaya, Pemangku Pengarah BPSBP. Gabungan diwakili Timbalan Pengerusi Gabungan.
- c. Sebahagian exco Gabungan hadir program anjuran SAMURA Bersama YABhg Tun Dr Mahahtir Mohamad bertempat di Yayasan Kepimpinan Perdana pada 26 Januari 2023.
- d. Perbincangan secara online berhubung isu-isu susulan perbincangan dengan Bank Rakyat. Diadakan secara online pada 1 Februari 2023.
- e. Perbincangan persediaan program Outreach di SM Sains Pokok Sena, Kedah di SM Sains Pokok Sena, Kedah.
- f. Program outreach di SM Sains Pokok Sena telah diadakan pada 4-6 Mei 2023.

- g. Gabungan seperti tahun-tahun sebelum ini memberikan sokongan kepada MyUNI bagi penganjuran Karnival Pendidikan MyUNI 2023. Sokongan Gabungan adalah dalam bentuk menguar-uarkan karnival ini kepada ahli-ahli Gabungan.
- h. Gabungan membantu menguar-uarkan program online anjuran Alumn Look East Policy (ALEPS) berkenaan peluang menyambung pelajaran ke Jepun yang diadakan pada 1 April 2023.
- i. Perbincangan tidak rasmi mengenai Biasiswa Bank Rakyat di UNIRAZAK telah diadakan di Putrajaya pada 21 Mac 2023.
- j. Perbincangan terakhir penganjuran program outreach di SM Sains Pokok Sena secara online pada 8 April 2023.
- k. Gabungan dijemput hadir ke majlis penutup Program Outreach di SM Sains Pokok Sena pada 6 Mei 2023.
- l. Timbalan Pengerusi Gabungan dan Sdr Fawaz Exco Gabungan ke SM Sains Tengku Abdullah hadir program MyFuture Jobs anjuran Perkeso pada 17 Mei 2023.
- m. Perbincangan KK Pendidikan dengan agenda Kolaborasi GPASBP- Bank Rakyat (Biasiswa UNIRAZAK) pada 20 Mei 2023 di Astana Putra, Serdang.
- n. Mesyuarat Biasiswa Bank Rakyat-UNIRAZAK PADA 11 Julai 2023.
- o. Exco Gabungan hadir Sesi Townhall Bersama YB Menteri Pendidikan: Naratif Baharu Transformasi SBP pada 28 Ogos 2023 di TKC, Bandar Enstek, Negeri Sembilan.
- p. GPASBP membantu BPSBP mendapatkan tokoh alumni untuk program Ketua Murid SBP bagi program pada 6 September 2023.
- q. Perbincangan bersama Bank Rakyat pada 10 Ogos 2023 bagi inisiatif Biasiswa.
- r. Sembang santai bersama Mantan KPPM YBhg Tan Sri Mohd Khair pada 15 Ogos 2023 di Kelab Tasik Putrajaya.
- s. Pre-council Townhall GPASBP pada 20 Ogos 2023 di MCOBA.
- t. Perbincangan kolaborasi GPASBP Bersama Bank Rakyat-UNIRAZAK bagi program Bank Rakyat Inspire Greater Height Talent (BRIGHT) pada 1 September 2023.
- u. Mesyuarat dan lawatan tapak program Kolokium Kecemerlangan Murid Projek Khas SBP 2023 di SMSS dan Hotel Barakah pada 12 September 2023.
- v. Perbincangan mengenai program BRIGHT Bersama UNIRAZAK dan Bank Rakyat secara online pada 13 September 2023.
- w. Program TOT Fasilitator untuk Kolokium diadakan pada 30 September 2023 di SMSS.
- x. Mesyuarat Pensejarahan SBP oleh persatuan sejarah pada 21 September 2023.
- y. Hadir mesyuarat Bersama BPSBP, DBP dan UPM bagi Cadangan program Bengkel Penulisan Karya Futuristik dan Program Sayembara Penulisan Cerpen dan Puisi di SBP pada 9 Oktober 2023.
- z. Timbalan Pengerusi Gabungan dan Exco Sdr Fawaz hadir program jelajah Pendidikan di Jepun Bersama Kedutaan Jepun di Sek Men Sains Machang dan Sek men Tengku Faris Petra pada 1-2 Oktober 2023.
- aa. Hadir mesyuarat penyelarasan Kolokium di SMSS pada 6 Oktober 2023 di SMSS.

- bb. Gabungan menganjurkan program Up Close and Personal Bersama Ketua Hakim Negara di Istana Kehakiman pada 20 Disember 2023.
- cc. Perbincangan program Kolokium Projek Khas di SMSS pada 17 Oktober 2023.
- dd. Meeting Task Force BRIGHT pada 7 November 2023 di MCOBA House

iii. Laporan Kumpulan Kerja Sukan dan Rekreasi

Kumpulan Kerja Sukan dan Rekreasi Gabungan terdiri daripada:-

- a. Mohammaf Fawaz Kamaruddin – Ketua
- b. Muhammad Nazzef Edrus Che Rus – Penolong Ketua
- c. Shamsudin Muhamad – AJK
- d. Sofizan Zainal Abidin – AJK
- e. Wan Azran Wan Yusof – AJK
- f. Mohd Fazrul Haron – AJK

Program-program melibatkan Kumpulan Kerja ini sepanjang tahun 2023 adalah:-

- a. Liga Bola Sepak Alumni Sekolah Berasrama Penuh (SBP) 2023 bermula 14 Januari ini sehingga 18 Mac depan di Kompleks Sukan Tigre Arena di Sungai Buloh, Selangor. Mendapat liputan media seperti Kosmo dan Utusan Malaysia.
- b. Final Cup ASBPFL 2023 di Tigre Arena pada 8 April 2023.
- c. Exco Gabungan mewakili Pengerusi GPASBP ke Kejohanan Inter alumni Bowling 2023 anjuran MGC/TKOGA PADA 30 Julai 2023 di Sunway Mega Lanes.
- d. Wakil Gabungan hadi rmemenuhi jemputan Perlawanan akhir Kejohanan 10th Malaysian Cricket Association (MCA) ASSAK Challenge pada 24 September 2023 di Selangor Turf Oval Club.

iv. Laporan Kumpulan Kerja Kebajikan

Kumpulan kerja kebajikan terdiri daripada:-

- a. Tuan Haji Roslan Rosli/ En Asrul Sani – Ketua
- b. Hatta Husin – Ahli
- c. Dr Mazlan Che Soh - Ahli

Dari segi aktiviti kumpulan kerja ini sepanjang 2023 dapat diringkaskan seperti berikut:-

- a. Tiga buah SBP telah dipilih bagi menyertai Rewang Ramadhan anjuran Bank Rakyat iaitu Sek Men Sains Selangor (Rewang pada 13 April 2023 dan Iftar Perdana pada 18 April 2023), SMAP Kajang (pada 12 April 2023) dan juga SM Sains Sabah. Program berjalan dengan lancar.

- b. Gabungan menerusi KK Kebajikan telah mengeluarkan Garis Panduan penggunaan dana tabung kebajikan RM5k untuk sekolah/alumni terpilih.
- c. Sebahagian exco gabungan hadir jempuran SMAP Kajang ke majlis berbuka puasa bersama Bank Rakyat pada 12 April 2023 bertempat di SMAP Kajang.
- d. Timbalan Pengerusi Gabungan menyampaikan mock cheque sumbangan biasiswa dari Tabung Biasiswa B40 Gabungan sebanyak RM5000 kepada pihak SM Tengku Abdullah pada 12 Julai 2023.
- e. Menyelesaikan urusan dokumentasi bagi pembukaan akaun khas Kebajikan di Bank Rakyat di Serdang pada 29 Julai 2023.
- f. Perbincangan mengenai program-program KK Kebajikan pada 14 September 2023.
- g. Perjumpaan Bersama pihak MyFund Action pada 5 Oktober 2023 di The Komunal Café, Bukit Jelutong.
- h. Exco gabungan hadir Majlis Makan Malam dan Bicara Bersama Tokoh sempena Kolokium Kecemerlangan Murid Projek Khas ada 25 Oktober 2023 di Hotel Grand Barakah, Ampang.
- i. Sebahagian exco gabungan hadir majlis penutup Kolokium Kecemerlangan Murid Projek Khas pada 27 Oktober 2023 di Hotel Grand Barakah.

v. Laporan Kumpulan Kerja Keusahawanan

Kumpulan kerja ini terdiri daripada:-

- a. Nur Asyati Abdullah
- b. Abdul Muiz Jaafar
- c. Hatta Hussin
- d. Abd Rasid Jaapar
- e. Kamalruzaman Ramlee
- f. Najib Muhammad
- g. Nazir Md Shah
- h. Syahrin
- i. Abd Halim
- j. Dato Remie
- k. Dato Azhar

Laporan aktiviti kumpulan kerja sepanjang tahun 2023 adalah:-

- a. MAVCAP dan GPASBP telah menganjurkan MAVCAP Sharing Session with Alumni SBP pada 21 September 2023 di MAVCAP, KL.
- b. Perbincangan bagi menyelaraskan program perkongsian MDEC Bersama Alumni SBP pada 20 Oktober 2023 di pejabat MDEC, Cyberjaya.
- c. Perbincangan bersama Halal Development Corporation terhadap peluang Kerjasama pada 17 Oktober 2023.

- d. Mesyuarat bersama MDEC pada 20 Oktober 2023 di pejabat MDEC, Cyberjaya.
- e. Exco Gabungan hadir MARA BLESS Talak 2023 Siri 5 pada 27 November 2023 di Anjung Korporat MARA.
- f. Exco Gabungan hadir MARA BLESS Talak 2023 Siri 6 pada 20 Disember 2023 di Anjung Korporat MARA.

vi. Laporan Kumpulan Kerja Media & IT

Ahli Kumpulan Kerja ini adalah:-

- a. Najib Mohamad – Ketua
- b. Suhaimi Yonz – Ahli
- c. Nazir M Shah – Ahli
- d. Yati Srikandi – Ahli
- e. Roslina Puteri – Ahli
- f. Mel Jenan – Ahli
- g. Syahilla Jenan – Ahli
- h. Fatin Nabihah Jenan – Ahli

Antara aktiviti kumpulan kerja ini sepanjang tahun 2023 adalah:-

- a. Menyelenggara page NDSBP Support & Networking sebagai sokongan kepada KK Keusahawanan. Ia membantu bagi Business Networking, promosi produk dan jualan, hebahan aktiviti dan lain-lain.
- b. Mengendali dan mengurus facebook page Nostalgia di SBP (lebih 16000 ahli)
- c. Menyelenggara facebook page Gabungan Persatuan Alumni SBP (facebook page rasmi)
- d. Mengendalikan urusan dokumentasi program-program Gabungan – foto dan seumpamanya.

KEPUTUSAN:

Laporan Jawatankuasa berkenaan aktiviti yang lalu (Aktiviti Tahun 2023) yang dibentangkannya oleh Sdr Dr. Mazlan Che Soh, Setiausaha Gabungan telah dicadangkan untuk diterima oleh Sdr Mojhsin dari ALUMNI SAMURA dan disokong oleh Sdr Zaini dari ALUMNI SMSS.

4 Mempertimbangkan Laporan Bendahari dan Penyata Kewangan Beraudit 2023

- 4.1 Sdr Neezal, Bendahari Gabungan telah membentangkan Laporan Kewangan Gabungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

- 4.2 Beliau memaklumkan bahawa Penyata Kewangan ini terbahagi kepada empat bahagian utama iaitu Maklumat Persatuan, Penyata Ahli Jawatankuasa, Laporan Juraudit dan Penyata Kewangan yang terdiri dari 4 bahagian kecil iaitu Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan dan Lebihan Terkumpul, Penyata Penerimaan dan Pembayaran dan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan.
- 4.3 Bagi penyata Kedudukan Kewangan, tunai di bank sehingga 31 Disember 2023, Aset Semasa meliputi Tunai dan Kebersamaan Tunai adalah RM50,973.69, akaun belum bayar sebanyak RM7,000 dan lain-lain penghutang RM191.85. Liabiliti semasa iaitu lain-lain pemiutang tiada menjadikan aset semasa bersih dan lebihan terkumpul Gabungan pada 31 Disember 2023 adalah RM58,165.54.
- 4.4 Untuk Penyata Pendapatan dan Lebihan Terkumpul bagi tahun kewangan 31 Disember 2023, jumlah pendapatan adalah RM19,081.73, manakala jumlah perbelanjaan adalah RM844,805.62 menjadikan kurangan bersih dalam tahun 2023 adalah RM25,723.89. Lebihan terkumpul awal tahun direkodkan RM83,889.43 dan Lebihan terkumpul akhir tahun adalah RM58,165.54.
- 4.5 Manakala untuk penyata penerimaan dan pembayaran pula, jumlah keseluruhan penerimaan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 adalah RM43,805.62, menjadikan bayaran bersih dalam tahun adalah RM26,723.89. Ini menjadikan jumlah tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun adlaah RM77,723.89 dan tunai akhir tahun adalah RM50,973.69.

KEPUTUSAN

Sdri Nor Izzatun dari ALUMNI SMSS mencadangkan Laporan Kewangan ini diterima dan disokong oleh Sdr Azlin wakil dari JENAN.

5 Pembentangan dan Perbahasan Usul (jika ada)

Setiausaha memaklumkan terdapat dua (2) usul telah diterima dari pihak Setiausaha bagi pihak Ahli Jawatankuasa. Usul-usul ini adlaah berkait dengan Perlambagaan iaitu seperti berikut:

Sediada	Usul dicadangkan
Fasal 8 Jawatankuasa (1) Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih Dua Tahun Sekali di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.	Usul Jawatankuasa/Exco Gabungan mencadangkan jawatan Setiausaha dan Bendahari dilantik oleh Pengerusi Gabungan berbanding sekarang dipilih

Seorang Pengerusi Seorang Timbalan Pengerusi Dua Orang Naib Pengerusi Seorang Setiausaha Seorang Bendahari 5 orang Ahli Jawatankuasa Biasa	menerusi AGM. Rasionalnya adalah untuk memastikan kelicinan pentadbiran dan pengurusan jawatan penting Gabungan pada masa akan datang. Kaedah ini didapati banyak juga diamalkan oleh NGO
Fasal 8 Jawatankuasa (1) Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih Dua Tahun Sekali di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Seorang Pengerusi Seorang Timbalan Pengerusi Dua Orang Naib Pengerusi Seorang Setiausaha Seorang Bendahari 5 orang Ahli Jawatankuasa Biasa	Usul seterusnya adalah untuk menambah SATU (1) lagi jawatan Naib Pengerusi dengan mengambil kira peranan dan tanggungjawab serta fungsi Gabungan yang semakin berkembang , terutama bagi memenuhi kehendak ahli yang semakin bertambah

Setelah dibincang dan diperdebatkan, berikut adalah Keputusan pengundian bagi usul-usul ini iaitu:-

- a. Usul Mencadangkan Jawatan Setiausaha dan Bendahari dilantik oleh Pengerusi berbanding sekarang menerusi proses pemilihan di AGM
 - i. Setuju - 15
 - ii. Tidak setuju – 10
 - iii. Berkecuali – 2

KEPUTUSAN

Usul ini diterima oleh mesyuarat agung untuk dikuatkuasakan dalam pemilihan yang akan datang.

- b. Usul untuk menambahkan satu (1) lagi jawatan Naib Pengerusi
 - i. Setuju – 24
 - ii. Berkecuali – 3

c.

KEPUTUSAN

Usul ini diterima oleh mesyuarat agung untuk dikuatkuasakan dalam pemilihan yang akan datang.

Tindakan

Setiausaha diminta untuk mengemukakan permohonan pindaan perlembagaan ini kepada ROS. Mesyuarat juga bersetuju pindaan dilakukan terhadap Fasal 2 Tempat Urusan ke alamat Penthouse, MCOBA Building, 42, Jalan Syed Putra, 50460 KL.

Tindakan : Setiausaha

6 Pembubaran AJK

Pengerusi Gabungan bagi sesi 2022-2024 secara rasmi membubarkan AJK sesi 2022-2024 dengan ucapan terima kasih semua ahli atas sokongan diberikan selama ini.

7 Perlantikan Pengerusi Mesyuarat Sementara dan Pencatat Minit Mesyuarat

Mesyuarat sebulat suara bersetuju Sr Fawaz EXSAS dipilih sebagai Pengerusi Mesyuarat sementara dan pencatat adalah Sdr Najib dari JENAN.

8 Pemilihan Ahli Jawatankuasa Baru Penggal 2024-2026

Jawatan	Pencadang & Penyokong	Jumlah Undi	Keputusan
Pengerusi	SMACHIAN Mencadang MCOBA , Disokong ANNADI Cadangan di tutup EX-SEMESDIANS	Menang Tanpa Bertanding (MTB)	MCOBA
Timbalan Pengerusi	MCOBA Mencadang ASPUTRA , Disokong SAMURA Cadangan ditutup SRIKANDI	Menang Tanpa Bertanding (MTB)	ASPUTRA
NAIB PENERUSI 1 & 2	EX-SEMESDIANS Mencadang EXSAS dan SRIKANDI , Disokong JENAN dan AITEM , Cadangan ditutup SMACHIAN	Menang Tanpa Bertanding (MTB)	NAIB PENERUSI 1 – EXSAS NAIB PENERUSI 2 - SRIKANDI
SETIAUSAHA	ASTA Mencadang	Menang Tanpa	SMACHIAN

	SMACHIAN, Diskong ASAS, Cadangan ditutup ANNADI	Bertanding (MTB)	
BENDAHARI	SAMURA Mencadang ALSPEN, Disokong SHAH PEKAN, Cadangan ditutup SRIKANDI	Menang Tanpa Bertanding (MTB)	ALSPEN
AJK	EX-SEMESDIANS	22	EX-SEMESDIANS
	ALKIS	11	
	ALUMNI SAINS SELANGOR	23	ALUMNI SMSS
	JENAN/SMSAH	21	JENAN/SMSAH
	PRESSTIJ	19	PRESSTIJ
	SDARA	5	
	ANNADI	14	ANANDI
	ASSAK	6	
JURU AUDIT 1 & 2	PSUINGAN 1		
	PUTERI	18	PUTERI
	IKMAL	13	
	TKCOGA	13	
	PSUINGAN 2		
	IKMAL	6	
	TKCOGA	14	TKCOGA

9 Ucapan Penangguhan Pengerusi Sesi 2024-206

- 8.1 Datuk Zulkifli mewakili MCOBA mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua perwakilan yang telah memebrikan kepercayaan kepada MCOBA

untuk memimpin Gabungan bagi sesi 2024-2026. Beliau menekankan betapa penting untuk bekerjasama secara menyeluruh dikalangan ahli bagi mencapai matlamat yang ditetapkan di dalam Perlembagaan Gabungan. Semua ahli mempunyai peranan kolektif bagi maksud ini.

10 Penutup

- 12.1 Pengerusi sekali lagi mengambil peluang untuk merakamkan berbilang-banyak ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap agar kerjasama yang lebih mantap akan dapat diberikan dalam menjayakan matlamat dan objektif penubuhan Gabungan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari.

Disediakan oleh:-



Dr. Mazlan bin Che Soh
Setiausaha GPASBP
Tarikh: 02 Jun 2024

Disahkan oleh



YM Dato' Tunku Ahmad Burhanuddin bin Tunku Adnan
Pengerusi GPASBP
Tarikh: 03 Jun 2024

LAPORAN TAHUNAN GPASBP TAHUN 2024

LAPORAN URUSETIA/SEKRETARIAT

Laporan Urusetia/Sekretariat sepanjang tahun 2024 adalah seperti berikut:-

- a. Mesyuarat Exco bil 1/2024 telah diadakan pada 8 Mei 2025 di Bangunan MCOBA.
- b. Mesyuarat Exco bil 2/2024 telah diadakan pada 23 Julai 2024 di Bangunan MCOBA.
- c. Mesyuarat Exco Bil 3/2024 telah diadakan pada 28 November 2024 di Bangunan MCOBA.
- d. Mesyuarat Exco Bil 1/2025 telah diadakan pada 16 April 2025 di Bangunan MCOBA.
- e. Pindaan Perlembagaan Gabungan susulan Keputusan semasa AGM telah diluluskan ROS pada 24 Jun 2024.
- f. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi BPSBP telah meluluskan 10 tempat kuota kepada 10 SBP Sains terawal.
- g. Program Bersama Majlis Presiden telah diadakan di Bangunan MCOBA pada 21 September 2024.
- h. Gabungan menyewa Bilik Tioman Tingkat Bawah Bangunan MCOBA sebagai secretariat.
- i. Mesyuarat persediaan program bersama Majlis Presiden pada 18 September 2024 di Q Bistro Bukit Jelutong.
- j. Memenuhi jemputan SRIKANDI ke majlis makan malam pada 9 November 2024 di Marriott Putrajaya.
- k. Memenuhi jemputan MCOBA ke jamuan makan malam pada 30 November 2024.
- l. Memenuhi jemputan ASAS ke jamuan makan malam ASAS pada 15 Februari 2025 di Dewan Perdana Putra, Sekolah Sultan Alam Shah.
- m. Perjumpaan Bersama Ketua Pengarah JPJ pada 17 Mac 2025 di Hotel Tenera.
- n. Memenuhi jemputan Iftar anjuran ALUMNI SHAHPEKAN pada 21 April 2025 di Kelab Golf Seri Selangor.
- o. Memenuhi jemputan berbuka puasa MyFundAction pada 20 Mac 2025 di Shah Alam
- p. Gabungan hadir mesyuarat pertama penganjuran Simposium Sekolah Milik Masyarakat di Institut Aminuddin Baki, Bandar Enstek pada 14 April 2025.
- q. Gabungan membantu Kursus Kepimpinan Ketua Murid dan Penolong Ketua Murid Generasi MADANI Sekolah Berasrama Penuh Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 di SM Sains Hulu Selangor pada 7 Mei 2025.
- r. Memenuhi jemputan ke Jamuan Raya EXSAS di Kota Seriemas Golf Club pada 26 April 2025.
- s. Gabungan telah mengadakan kunjungan hormat dan perbincangan Bersama YBhg Prof Tan Sri Dato Dr Noor Azlan Ghazali, Pengarah MINDA-UKM PADA 7 Mei 2025.
- t. Memenuhi jemputan SRIKANDI ke program Meriahnya Raya pada 17 Mei 2025.

Disediakan oleh:

Dr.Mazlan bin Che Soh, Setiausaha GPASBP

LAPORAN KUMPULAN KERJA PENDIDIKAN

Berikut laporan Kumpulan kerja ini sepanjang tahun 2024/2025:-

- a. Program lawatan Atase Pendidikan Kedutaan Jepun ke SBP melibatkan SM Sains Miri Sarawak pada 24 Januari 2024 dan SM Sains Kuching Utara pada 22 Januari 2024. Gabungan membantu ALEPS dari segi penyelarasan.
- b. Program lawatan Atase Pendidikan Kedutaan Jepun ke SBP melibatkan MCKK pada 11 September 2024 dan SM Sains Bagan Datuk pada 12 September 2024. Gabungan membantu ALEPS dari segi penyelarasan
- c. Setiausaha Gabungan atas kapasiti akademik telah dijemput sebagai panel bagi mengkaji input Pelan Pembangunan Pendidikan 2026-2035 anjuran KPM di Port Dickson pada Oktober 2024.
- d. Gabungan turut sama-sama terlibat sebagai penganjur Bersama Pertandingan Esei Sejarah Malaysia 2024 dengan menonjolkan tajuk “Perkembangan Sekolah Berasrama Penuh: Dulu, Kini dan Masa Hadapan”. Program ini anjuran Persatuan Sejarah Malaysia, Yayasan Tun Hamdan dan BPSBP telah diadakan dari Ogos 2024 hingga April 2025.
- e. Gabungan turut terlibat membantu Program Menggilap Mutiara SBP dari 9 hingga 12 Disember 2024 bertempat di xxx.
- f. Bengkel bagi Pelan Pembangunan Pendidikan 2026-2035 telah diadakan pada 10 Ogos 2024 di Bangunan MCOBA.
- g. Gabungan hadir perbincangan awal penganjuran Kolokium di SM Sains Selangor pada 4 September 2024.
- h. Mesyuarat penyelarasan kolokium di Hotel Grand Barakah Ampang pada 2 Oktober 2024.
- i. Gabungan terlibat secara langsung membantu BPSBP menjayakan Konvensyen Kepimpinan Murid Projek Khas SBP Kebangsaan pada 21-24 Oktober 2024 bertempat di Hotel Grand Barakah Ampang. Kolokium ini digerakkan SM Sains Hulu Selangor sebagai pengelola bagi pihak BPSBP.
- j. Gabungan menghantar wakil ke Wacana “Masa Depan Ekonomi Bumiputera” anjuran Institut Masa Depan (MASA) pada 28 Februari 2025 di PAUM Clubhouse.
- k. Gabungan menghantar wakil ke Round Table Discussion mengenai Pelan Pembangunan Pendidikan di MINDA-UKM UKM Bangi pada 14 Mei 2025.
- l. Gabungan menghantar wakil ke program Bicara Tokoh Tun Hamdan di Arkib Negara pada 22 Mei 2025.
- m. Gabungan hadir di mesyuarat penyelarasan penganjuran Simposium Sekolah Milik Masyarakat di IAB pada 23 Mei 2025.

LAPORAN KUMPULAN KERJA SUKAN DAN REKREASI

1. PENGENALAN

Biro Sukan & Rekreasi GPASBP memainkan peranan penting dalam mengukuhkan jaringan alumni SBP melalui platform sukan sebagai wadah penyatuan, pembangunan bakat dan semangat kesukanan. Sepanjang tahun 2024–2025, pelbagai inisiatif strategik telah dilaksanakan, termasuk kejohanan berskala besar, kerjasama dengan agensi nasional serta pembangunan pelan jangka panjang yang lebih inklusif dan mapan.

2. SOROTAN UTAMA 2024

2.1 Tayangan Khas Filem “PADU” & 50 Tahun Bola Keranjang SBP

Sempena Kejohanan Bola Keranjang SBP Kebangsaan 2024, satu tayangan khas filem “PADU” telah diadakan di TGV KLCC melibatkan 345 peserta termasuk dari BPSBP dan GPASBP. Filem ini menampilkan kisah perjuangan skuad bola keranjang wanita negara dan jurulatih Izzati Yaakob, yang juga membimbing pasukan SBP All-Star. Majlis ini turut menjadi medan sambutan **50 tahun penganjuran bola keranjang di SBP**, yang diraikan secara rasmi di Stadium MABA. GASBP turut menyampaikan penghargaan kepada lima tokoh penting dalam sejarah pembangunan bola keranjang SBP:

- En. Liew Yong Choon (MCKK)
- Prof. Zamri Chik (SDARA)
- En. Kan Kim Loon (SSP & SAS)
- En. Hamdany Halimy (SMSD, SEMSAS, SCIPP)
- En. Salasun (SEMSAS)

2.2 Pengiktirafan & Hubungan Strategik

- GPASBP telah **diiktiraf secara rasmi oleh Persatuan Bola Keranjang Malaysia (MABA)** sebagai *Hub Kecemerlangan Bola Keranjang Alumni SBP*.
- Bagi pengiktirafan oleh **Kementerian Belia dan Sukan (KBS)**, permohonan sedang dalam proses dan memerlukan **persetujuan rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**. Usul ini akan dibawa ke mesyuarat bersama dalam masa terdekat.

2.3 Kejohanan & Aktiviti Sukan GPASBP 2024

Aktiviti	Status / Tarikh	Butiran
Liga Bola Sepak Alumni (Veteran)	Tamat	Johan: SHAH PEKAN (26 pasukan)
Liga Bola Sepak (Semi Veteran & Terbuka)	Hingga Nov 2024	Dianjurkan oleh Alumni SHAH PEKAN
Liga Bola Keranjang Alumni (Edisi ke-5)	Jul–Dis 2024	Johan Lelaki: SEMASHUR; Wanita: STF; Veteran: MCOBA

3. PERANCANGAN 2025 — KARNIVAL SUKAN ALUMNI SBP

3.1 11 Sukan Sasaran & Permintaan RFP

Bagi edisi 2025, GPASBP menumpukan pelaksanaan karnival sukan merangkumi 11 jenis sukan utama. Ahli gabungan diminta menyediakan cadangan penganjuran (RFP) meliputi:

- | | |
|-------------------|----------------|
| 1. Bola Sepak | 7. Bola Tampar |
| 2. Ragbi | 8. Ping Pong |
| 3. Bola Keranjang | 9. Badminton |
| 4. Hoki | 10. Golf |
| 5. Bola Jaring | 11. Snuker |
| 6. Kriket | |

3.2 Senarai Acara & Yuran Penyertaan

Sukan	Tarikh	Lokasi	Yuran Penyertaan
Ping Pong	31 Mei 2025	Evolve Mall, Ara Damansara	RM150 (pasukan), RM35 (individu)
Bola Sepak	21 Jun 2025	EV Arena, Elmina Lakeside Mall	RM1,000

Hoki	28 Jun 2025	Stadium Hoki Jalan Duta	RM1,000
Bola Keranjang	4–6 Julai 2025	Tmn Connaught Basketball Court	RM750
Bola Jaring	9 Ogos 2025	IWK Sports Centre, Pantai Dalam	RM750
Bola Tampar	20 September 2025	Evolve Mall, Ara Damansara	RM750

3.3 Keputusan Rasmi Kejohanan Ping Pong (Karnival GPASBP 2025)

- **Kategori Lelaki Berpasukan:**

- 🥇 Johan: SMACHIAN
- 🥈 Naib Johan: ALKIS
- 🥉 Ketiga: MYSESMA
- 🏅 Keempat: EXSEMESDIAN

- **Kategori Perempuan Perseorangan:**

- 🥇 Johan: TKCOGA
- 🥈 Naib Johan: PUTERI
- 🥉 Ketiga: ALKIS
- 🏅 Keempat: TKCOGA

4. INISIATIF STRATEGIK & PEMBANGUNAN 2025–2026

a. Naik Taraf Gelanggang Berbumbung Bola Keranjang

- Perancangan membangunkan fasiliti tertutup milik alumni SBP.
- Pendekatan pembiayaan: crowdfunding, penajaan panel solar dan papan iklan.
- Rundingan bersama KBS sedang dijalankan untuk pelepasan cukai bagi penaja.
- Jawatankuasa khas akan ditubuhkan untuk pengurusan projek.

b. Penubuhan Pasukan SBP Alumni All-Star

- Pasukan khas alumni untuk setiap sukan, bagi kejohanan jemputan atau persahabatan (cth: vs ANSARA).
- Keperluan pembiayaan: logistik, pakaian, penginapan, dan latihan.
- Sumber dana: penajaan alumni, sumbangan syarikat dan crowdfunding.

c. Projek Animasi “In Our Hood, We Are Hoopers”

- Pembangunan projek animasi berdurasi 2 minit 30 saat yang memaparkan kisah dan semangat SBP.
- Disasarkan sebagai bahan media promosi dan pendanaan lestari melalui hak cipta dan kolaborasi industri.
- Digerakkan oleh alumni kreatif dalam bidang penulisan, ilustrasi dan produksi.

5. PENUTUP

Tahun 2024–2025 telah mencatat pencapaian penting dalam sejarah Biro Sukan GPASBP, bukan sahaja dari sudut jumlah penyertaan, malah dari segi pengiktirafan rasmi dan penciptaan platform pembangunan masa depan.

Dengan semangat kerjasama dalam kalangan persatuan alumni, penyelarasan aktiviti yang lebih mantap, dan penyertaan daripada alumni pelbagai lapisan umur, kita yakin GPASBP mampu menjadikan sukan sebagai asas perpaduan alumni SBP di seluruh negara.

Disediakan oleh:

Abdul Muthalib Zulkarnain

Ketua Kumpulan Kerja Sukan & Rekreasi

Gabungan Persatuan Alumni SBP (GPASBP)

LAPORAN KUMPULAN KERJA KEBAJIKAN

1. PENGENALAN

Biro Kebajikan berperanan sebagai saluran atau penghubung bagi khidmat sokongan dalam membantu GPASBP dalam hal-hal kebajikan, merancang program serta aktiviti ke arah kebajikan ahli GPASBP dan juga kebajikan murid-murid sekolah ahli GPASBP termasuk menghulur bantuan kewangan kepada murid yang ditimpa musibah.

2. SOROTAN UTAMA 2024

- (a) Pelancaran **KEMPEN INFAQ JUMAAT** telah dilakukan menggunakan akaun GPASPA di Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.
- (b) Talian Khas **(011-57557262)** diwujudkan bagi pemantauan aktiviti kutipan sumbangan bagi tujuan kebajikan.
- (c) Sumbangan GPASBP sebanyak **RM500.00** pada 21.06.2024 melibatkan asrama terbakar di **SEKOLAH MENENGAH SAINS HULU TERENGGANU (SAHUT)**.
- (d) Sumbangan GPASBP kepada bekas murid/alumni **SMACH, RAJA AMIRUL MUKMIN BIN RAJA SAFARI** sebanyak **RM500.00** pada 06.07.2024 bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Beliau adalah pemegang kad OKU.
- (e) Menganjur pengumpulan dana/sumbangan bagi program **KOLOKIUUM KECERMELANGAN MURID PROJEK KHAS SBP 2024** semasa **KARNIVAL SRIKANDI**, pada hari Sabtu, 3hb Ogos 2024 di G2G, MAEPS, Serdang. Terdapat perbincangan awal antara wakil Biro Kebajikan GPASBP dengan pihak-pihak yang bersetuju untuk menyumbang "in-kind".
- (f) Membantu melaksanakan dan menyelaraskan program **SUMBANGAN BEG KASIH DAN DUIT POKET di KOLOKIUUM KECERMELANGAN MURID PROJEK KHAS SBP 2024** pada untuk Murid, Guru Pengiring, Pemandu Bas dan Petugas kesemuanya seramai 300 orang

3. LAPORAN KHAS SUMBANGAN BEG KASIH DAN DUIT POKET DI KOLOKIUUM KECERMELANGAN MURID PROJEK KHAS SBP 2024

(i) SUMBANGAN BEG KASIH

Murid, Guru Pengiring, Pemandu Bas dan Petugas

(a)	Sumbangan diterima dalam bentuk barangan (anggaran nilai barangan sebagaimana yang dimaklumkan oleh	RM14,515.97
-----	---	-------------

	penyumbang)	
(b)	Non-Woven Bag	RM900.00
	JUMLAH	RM 15,415.97

Sumbangan barangan “in-kind” yang diterima, diantaranya seperti berikut:-

No.	Barangan
(a)	Sejadah
(b)	“Travelling” Tuala Mandi
(c)	Makanan seperti Biskut, Kek, Gula-gula dan Coklat, Minuman Paket Perisa Coklat untuk Murid, Minuman Paket Perisa Kopi untuk Guru Pengiring, Pemandu Bas dan Petugas
(d)	Alat Penulisan seperti Buku Nota, Pen, Penanda Buku, Klip Kertas
(e)	Keperluan Kebersihan Diri seperti Ubat Gigi, Berus Gigi, Sabun Mandi, Tisu “Antibacterial”
(f)	Kad UNO

(ii) SUMBANGAN DUIT POKET KEPADA MURID

(a)	Sumbangan diterima dari ahli GPASBP	RM2,660.00
(b)	Infaq Jumaat	RM1,500.00
	JUMLAH	RM4,160.00

(iii) JUMLAH BESAR SUMBANGAN : **RM19,575.97**

4. **PERANCANGAN 2025**

- (a) Meneruskan **KEMPEN INFAQ JUMAAT**.
- (b) Mencari dana/sumbangan bagi **KOLOKIUUM KECERMELANGAN MURID PROJEK KHAS SBP 2025**.

5. **PENUTUP**

Berterima kasih kepadasemua pihak dan mendambakan kerjasama berterusan dari semua ahli-ahli GPASBP bagi pengumpulan Dana Kebajikan untuk menampung aktiviti-aktiviti Kebajikan GPASBP terutamanya untuk **KOLOKIUUM KECERMELANGAN MURID PROJEK KHAS SBP 2025**.

Disediakan oleh:

NILY ASMAH MUHANI

KETUA KUMPULAN KERJA KEBAJIKAN

GABUNGAN PERSATUAN ALUMNI SBP (GPASBP)

LAPORAN KUMPULAN KERJA KEUSAHAWANAN

LATAR BELAKANG

Kumpulan Kerja Keusahawanan merupakan salah satu entiti strategik di bawah struktur Gabungan Persatuan Alumni Sekolah Berasrama Penuh (GPASBP), yang ditubuhkan dengan matlamat untuk merangsang budaya keusahawanan dalam kalangan Alumni SBP serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi komuniti SBP dan negara secara keseluruhan.

Penubuhan kumpulan kerja ini adalah sejajar dengan visi GPASBP untuk membina jaringan alumni yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik dan profesional, tetapi juga berdaya saing sebagai usahawan dan pemimpin industri. Usaha ini turut memperkukuh peranan alumni sebagai pemangkin kepada pembangunan pelajar, sekolah, dan komuniti SBP menerusi pendekatan keusahawanan yang inovatif dan inklusif.

Kumpulan kerja ini berfungsi sebagai platform penyelarasan, sokongan dan pelaksanaan pelbagai inisiatif keusahawanan termasuk program latihan, bimbingan, jaringan perniagaan, peluang pelaburan serta perkongsian sumber antara alumni. Ia juga berperanan menjalin kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, sektor swasta, institusi kewangan dan pertubuhan bukan kerajaan dalam usaha membina ekosistem keusahawanan yang lestari di kalangan warga SBP.

Melalui penganjuran program seperti bengkel keusahawanan, forum industri, pertandingan idea perniagaan, serta penubuhan rangkaian alumni usahawan, kumpulan kerja ini bertekad untuk menjadi pemangkin kepada generasi usahawan Alumni SBP yang progresif, beretika dan berimpak tinggi.

OBJEKTIF UTAMA PENUBUHAN

1. Memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan alumni SBP dan pelajar SBP sebagai satu pilihan kerjaya yang berdaya maju dan berimpak tinggi.
2. Membangunkan ekosistem keusahawanan alumni yang progresif melalui jaringan strategik, kerjasama industri, dan perkongsian sumber antara alumni dan rakan luar.
3. Menyediakan platform latihan, bimbingan dan sokongan kepada alumni yang berminat atau sedang menceburi bidang perniagaan agar lebih berdaya tahan dan berdaya saing.
4. Menggalakkan penglibatan alumni usahawan dalam memajukan komuniti Alumni SBP melalui perkongsian ilmu, peluang, pelaburan dan sumbangan sosial.
5. Menjana sumber pendapatan alternatif untuk menyokong inisiatif GPASBP melalui projek keusahawanan, kolaborasi strategik dan inisiatif berasaskan nilai tambah.
6. Menjadi jambatan antara alumni dan pelajar SBP dalam memupuk bakat keusahawanan awal melalui program mentorship, internship dan pertandingan inovasi.

PERANAN KUMPULAN KERJA DALAM KONTEKS GPASBP

Kumpulan Kerja Keusahawanan memainkan peranan penting sebagai salah satu pemacu utama kepada misi dan visi Gabungan Persatuan Alumni SBP (GPASBP), khususnya dalam memperkasa sumbangan alumni ke arah pembangunan holistik komuniti SBP. Peranan kumpulan kerja ini dapat dirumuskan melalui beberapa aspek utama:

1. Pemerkasaan Alumni sebagai Usahawan Berimpak Tinggi

Menyokong agenda GPASBP untuk melahirkan alumni yang bukan sahaja cemerlang dalam kerjaya profesional, tetapi juga berdaya saing sebagai peneraju industri dan pencipta peluang pekerjaan melalui keusahawanan.

2. Penghubung Strategik antara Alumni, Pelajar dan Industri

Menjadi jambatan antara pelajar SBP, alumni yang berpengalaman, dan sektor industri melalui program mentorship, perkongsian pengalaman, dan penciptaan peluang pembangunan keusahawanan.

3. Penyumbang Kepada Kelestarian GPASBP

Menyokong kelangsungan GPASBP melalui inisiatif penjanaan dana dan peluang kerjasama yang lahir daripada projek-projek keusahawanan alumni.

4. Platform Penjenamaan Alumni SBP sebagai Peneraju Inovasi

Memperkukuh reputasi alumni SBP sebagai golongan yang inovatif, progresif dan mampu mencipta impak positif dalam bidang ekonomi, sosial dan komuniti.

5. Pembangunan Modal Insan dan Kepimpinan Masa Hadapan

Membangun barisan pelapis usahawan muda dalam kalangan pelajar dan alumni baru, sejajar dengan aspirasi GPASBP untuk melahirkan pemimpin masa depan yang dinamik dan berdaya cipta.

PENGURUSAN KUMPULAN KERJA

Dato' Ir Muhammad Imran Dato' Hj Baharuddin (EXSAS)

Naib Pengerusi GPASBP (Keusahawanan)

Pengerusi Founders' Club

Bertanggungjawab memimpin, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan hala tuju strategik kumpulan kerja.

Mohammed Fawaz bin Kamarudin (EXSAS)

Wakil Naib Pengerusi GPASBP (Keusahawanan)

Membantu Naib Pengerusi dan menjalankan tugas apabila ketiadaan beliau.

Ainol Razman Ghazaly (STAROBA)

Presiden Founders' Club

Ahli Kumpulan Kerja (AKK)

Terdaripada beberapa wakil alumni SBP dari latar belakang keusahawanan yang pelbagai, bertanggungjawab menyelia program dan inisiatif khusus yang ditetapkan oleh kumpulan kerja.

Kriteria Keanggotaan:

- Alumni SBP yang aktif dan berpengalaman dalam bidang keusahawanan, pelaburan atau pembangunan perusahaan.
- Bersedia menyumbang masa, tenaga dan kepakaran dalam menjayakan misi kumpulan kerja.
- Secara sukarela atau dilantik oleh Exco GPASBP melalui pengesahan dan makluman kepada persatuan alumni yang diwakili.

FOUNDERS' CLUB

Founders' Club ditubuhkan di bawah Kumpulan Kerja Keusahawanan GPASBP dengan tujuan untuk mewujudkan satu komuniti kukuh dalam kalangan pengasas startup Bumiputera, khususnya dalam bidang teknologi mendalam (deep tech) dan berimpak tinggi.

(lihat lampiran Laporan Tahunan Founders' Club).

AKTIVITI & PROGRAM DIJALANKAN

1. Lawatan ke Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP)

Usahawan Alumni SBP yang hadir diberi penerangan oleh COO MAVCAP, Noor Amy Ismail (ASPUTRA) mengenai potensi pembiayaan modal teroka (venture capital) yang disediakan oleh MAVCAP dan rakan pelaburnya.

2. Lawatan ke MyFranchise, PERNAS

Pertemuan dengan CEO MyFranchise, Ahmad Jeoffrey Aladib (MCOBA).

MyFranchise adalah sebuah agensi milik penuh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan memacu pertumbuhan industri francais negara. GPASBP diberi penerangan mengenai peluang pelaburan dan pemilikan francais dengan bimbingan terus daripada MyFranchise melalui model pembiayaan, latihan, dan pepadanan francais.

3. Mesyuarat Penubuhan FOUNDERS CLUB

Tarikh: 15 Februari 2025

Lokasi: Bangunan MCOBA

Penyertaan: 10 pengasas startup teras

Perkara utama: Pembentangan cadangan penubuhan, pengenalan visi & misi, serta pembentukan awal struktur kelab.

4. Perakuan Piagam FOUNDERS CLUB

Tarikh disahkan: 8 Mac 2025

Piagam ini menggariskan objektif dan struktur aktiviti kelab, dikenali sebagai "Networking Charter":

- a. Menganjurkan perjumpaan berkala, malam pembentangan projek (pitch nights), dan meja bulat industri untuk menggalakkan kerjasama dan perkongsian peluang perniagaan.
- b. Memudahkan perkongsian ilmu merentasi industri agar ahli sentiasa peka terhadap tren pasaran dan teknologi baharu.
- c. Menubuhkan platform digital untuk ahli berhubung, berkongsi sumber, dan bekerjasama dalam masa nyata.

5. Sesi Perkongsian Ilmu

Tarikh: 16 Mac 2025

Lokasi: KGNS

Tajuk: "Patent: Why is it Important"

Penceramah: Irfan Awang (wakil alumni STAROBA)

Hasil: Sesi ini membuka mata ramai pengasas terhadap kepentingan perlindungan harta intelek dalam strategi pertumbuhan syarikat pemula.

6. Pemilihan Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) FOUNDERS CLUB

Tarikh: 16 Mac 2025

Struktur Jawatankuasa Eksekutif (EXCO):

Pengerusi: Dato' Ir. Muhammd Imran

Presiden: Ainol Razman

Ahli EXCO:

- Nazrien Zakaria
- Muthalib Zulkarnain
- Irfan Awang
- Megat Shahrul Azam
- Azham Hassan
- Suzairi Abdul Rahman
- Johan Munir

KERJASAMA & RAKAN STRATEGIK

1. Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM)

Perbincangan dengan Presiden DPMM, Encik Norsyahrin Bin Hamidon (SHAH PEKAN) untuk membentuk satu jalinan kerjasama strategik bersama DPMM bagi memperkasa keusahawanan dalam kalangan alumni SBP, khususnya dalam memacu keterlibatan alumni dalam ekonomi negara, memperluas jaringan niaga dan memanfaatkan peluang sokongan daripada institusi berkaitan.

Komponen Kerjasama Utama:

- Penyertaan Alumni SBP dalam Ekosistem Niaga DPMM
- Bimbingan & Latihan Profesional
- Pemadanan Perniagaan dan Pelaburan
- Perkongsian Kepakaran dan Advokasi

2. Dewan Perniagaan Islam Malaysia (DPIM)

Kerjasama strategik bersama DPIM sebagai usaha memperluas jaringan keusahawanan, memperkukuh pembangunan ekonomi alumni serta memperkasa peranan alumni SBP dalam ekosistem perniagaan Islam dan halal di Malaysia.

3. Bank Rakyat

Kerjasama menerusi Program Mentor Bank Rakyat, sebuah inisiatif pembangunan keusahawanan yang berfokus kepada bimbingan, pemerkasaan dan pengembangan kapasiti usahawan baharu serta alumni muda SBP.

4. Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)

Hasil: Cadangan Memorandum Persefahaman (MoU) disediakan untuk memperkukuh kerjasama strategik antara Founders' Club dan TERAJU.

5. FGV Integrated Farming

Tarikh Mesyuarat : 13 Mei 2025

Hasil: GPASBP melalui Founders' Club akan membentangkan cadangan startup kepada FGV Holdings untuk potensi kerjasama dalam sektor pertanian pintar dan makanan masa depan.

6. Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Tarikh Mesyuarat: 9 Mei 2025

Hasil: Cadangan membentuk kerjasama strategik selama dua tahun antara Founders' Club dan MDEC untuk mempercepat pembangunan startup Digital deep tech tempatan melalui pembiayaan, akses pelaburan, pembangunan bakat, pengaktifan ekosistem, dan penyelarasan dasar digital bersama kementerian berkaitan.

PERANCANGAN MASA HADAPAN

A. Jangka Pendek (6–12 Bulan)

- Pemetaan & pembangunan direktori alumni usahawan Alumni SBP.
- Penganjuran Program Keusahawanan
- Pelancaran Program Mentor-Mentee.
- Penganjuran "Pitch Day@SBP" untuk idea pelajar/alumni muda.

B. Jangka Sederhana (1–3 Tahun)

- Penubuhan GPASBP Business Network (GBN).
- Penubuhan Dana Usahawan Alumni SBP (seed fund).
- Pelaksanaan Projek Perniagaan Usahasama GPASBP.
- Program Latihan Bersijil Keusahawanan bersama agensi berkaitan.

PENUNJUK PRESTASI (KPI)

Penunjuk prestasi yang boleh diukur:

- Bilangan usahawan Alumni SBP berdaftar.
- Nilai dana dikumpulkan.
- Jumlah peserta program.
- Jumlah pelajar dan alumni muda yang menerima bimbingan.
- Bilangan projek perniagaan dilaksanakan.

PENUTUP

Kumpulan Kerja Keusahawanan GPASBP berharap dapat membina satu ekosistem keusahawanan yang mampan dalam kalangan komuniti SBP. Dengan sokongan semua pihak, GPASBP mampu melahirkan lebih ramai usahawan berimpak tinggi yang bukan sahaja berjaya, tetapi turut menyumbang kembali kepada masyarakat dan negara.

Disediakan oleh:

**KUMPULAN KERJA KEUSAHAWANAN
GABUNGAN PERSATUAN ALUMNI SBP (GPASBP)**

LAMPIRAN

Laporan Tahunan Founders' Club GPASBP

Untuk Mesyuarat Agung Tahunan GPASBP

Tahun: 2025

1. Latar Belakang Penubuhan Founders' Club

Founders' Club ditubuhkan dengan tujuan untuk mewujudkan satu komuniti kukuh dalam kalangan pengasas startup Bumiputera, khususnya dalam bidang teknologi mendalam (deep tech) dan berimpak tinggi. Ia lahir daripada kesedaran bahawa cabaran utama yang dihadapi oleh startup Bumiputera ialah akses kepada modal, pasaran, dan jaringan strategik. Justeru, Founders' Club ditubuhkan sebagai wadah kolektif untuk memperkuat suara, menyatukan sumber, dan mempercepat pertumbuhan ekosistem startup Bumiputera yang mampan.

2. Mesyuarat Sulung

- Tarikh: 15 Februari 2025
- Kehadiran: 10 pengasas startup teras
- Perkara utama: Pembentangan cadangan penubuhan, pengenalan visi & misi, serta pembentukan awal struktur kelab.

3. Perakuan Piagam Founders' Club

- Tarikh disahkan: 8 Mac 2025
- Piagam ini menggariskan objektif dan struktur aktiviti kelab, dikenali sebagai "Networking Charter":

Networking Charter Founders' Club:

- Menganjurkan perjumpaan berkala, malam pembentangan projek (pitch nights), dan meja bulat industri untuk menggalakkan kerjasama dan perkongsian peluang perniagaan.
- Memudahkan perkongsian ilmu merentasi industri agar ahli sentiasa peka terhadap tren pasaran dan teknologi baharu.
- Menubuhkan platform digital untuk ahli berhubung, berkongsi sumber, dan bekerjasama dalam masa nyata.

4. Aktiviti Pertama – Sesi Ilmu

- Tarikh: 16 Mac 2025
- Tajuk: "Patent: Why is it Important"
- Penceramah: Irfan Awang (wakil alumni STAROBA)
- Sesi ini membuka mata ramai pengasas terhadap kepentingan perlindungan harta intelek dalam strategi pertumbuhan syarikat pemula.

5. Pemilihan EXCO Founders' Club

- Diadakan pada hari yang sama (16 Mac 2025)
- Struktur Jawatankuasa Eksekutif (EXCO):
 - o Pengerusi: Dato' Ir. Muhammd Imran
 - o Presiden: Ainol Razman
 - o Ahli EXCO:
 - Nazrien Zakaria
 - Muthalib Zulkarnain
 - Irfan Awang
 - Megat Shahrul Azam
 - Azham Hassan
 - Suzairi Abdul Rahman
 - Johan Munir

6. Jalinan Strategik – Mesyuarat dengan Pihak Luar

- 6 Mei 2025 – Mesyuarat bersama TERAJU:
 - o Hasil: Cadangan Memorandum Persefahaman (MoU) disediakan untuk memperkukuh kerjasama strategik antara Founders' Club dan TERAJU.
- 13 Mei 2025 - Mesyuarat bersama FGV Integrated Farming:
 - o Hasil: Kelab akan membentangkan cadangan startup kepada FGV Holdings untuk potensi kerjasama dalam sektor pertanian pintar dan makanan masa depan.
- 29 Mei 2025 – Mesyuarat Bersama MDEC:
 - o Hasil: Cadangan ini bertujuan membentuk kerjasama strategik selama dua tahun antara Founders' Club dan MDEC untuk mempercepat pembangunan startup Digital deep tech tempatan melalui pembiayaan, akses pelaburan, pembangunan bakat, pengaktifan ekosistem, dan penyelarasan dasar digital bersama kementerian berkaitan.
- Akan Datang:
 - o Perbincangan Bersama Economic Research Institute of ASEAN and East Asia (Jakarta, 2nd July 2025)
 - o Perbincangan Bersama Himpunan Pengusaha Pribumi Indonesia (Tentatively, Jakarta 2nd July 2025)

7. Keahlian Terkini

- Jumlah ahli berdaftar sehingga kini: 50 orang
- Keahlian merangkumi pelbagai industri: kesihatan digital, AI, makanan masa depan, teknologi pertanian, dan teknologi pendidikan.

8. Penutup

Founders' Club kini berkembang menjadi satu komuniti strategik bagi pengasas startup Bumiputera. Fokus kami dalam tempoh 12 bulan akan datang adalah memperluaskan jalinan kerjasama, memperjuangkan akses kepada modal dan pasaran, serta memperkasakan ahli melalui sesi pembangunan kapasiti yang relevan dan berterusan.

Kami mengalu-alukan lebih ramai pengasas untuk bersama kami demi membina masa depan ekonomi Bumiputera yang lebih inovatif, lestari dan berdaya saing di peringkat serantau dan global.

Disediakan oleh:

Ainol Razman Ghazaly Presiden GPASBP Founders' Club

**LAPORAN KEWANGAN GPASBP BAGI
TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31
DISEMBER 2024
(DISEDIAKAN BERASINGAN)**

SENARAI AHLI DAN PEMERHATI GPASBP TERKINI

Senarai ahli Gabungan as of 31 Disember 2023

BIL	PERSATUAN ALUMNI	NAMA SINGKATAN	AHLI SEJAK
1.	MALAY GIRLS COLLEGE-MALAY GIRLS COLLEGE-TUNKU KURSHIAH COLLEGE OLD GIRLS ASSOCIATION	TKCOGA	2012
2.	MALAY COLLEGE OLD BOYS ASSOCIATION	MCOBA	2012
3.	PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH MENENGAH SAINS TENGGU MUHAMMAD FARIS PETRA	FARIS PETRA	2012
4.	ALUMNI SMS TUANKU SYED PUTRA	ASPUTRA	2012
5.	ALUMNI SEKOLAH SAINS TELUK INTAN	ASTI	2012
6.	PERSATUAN ALUMNI SMSAH	SMSAH	2012
7.	PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH SERI PUTERI MALAYSIA	PUTERI	2012
8.	SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN OLD BOYS ASSOCIATION	STAROBA	2012
9.	ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH	ASAS	2012
10.	ALUMNI SEKOLAH MENENGAH SAINS SELANGOR	SMSS ALUMNI	2013
11.	ALUMNI SM SAINS TUN SYED SHEH SHAHABUDIN	ALSPEN	23 JANUARI 2018

12.	PERSATUAN ALUMNI KOLEJ ISLAM KELANG MALAYSIA	ALKIS	23 JANUARI 2018
13.	PERSATUAN BEKAS PELAJAR SEKOLAH MENENGAH SAINS MACHANG	SMACHIAN	23 JANUARI 2018
14.	PERSATUAN BEKAS PELAJAR SEKOLAH DATO' ABDUL RAZAK	SDARA	23 JANUARI 2018
15.	PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH MENENGAH SAINS TUANKU JAAFAR	PRESSTIJ	23 JANUARI 2018
16.	PERSATUAN BEKAS PELAJAR SEMSAS	EXSAS	23 JANUARI 2018
17.	PERSATUAN BEKAS PELAJAR SEKOLAH MENENGAH SAINS KOTA TINGGI	PRASASTI	21 FEBRUARI 2018
18.	PERSATUAN BEKAS PELAJAR SEKOLAH TUN FATIMAH	SRIKANDI	FEBRUARI 2018
19.	PERSATUAN BEKAS PELAJAR SEKOLAH SAINS SULTAN HAJI AHMAD SHAH PEKAN	SHAH PEKAN	1 OKTOBER 2018
20.	PERTUBUHAN ALUMNI SEKOLAH MENENGAH AGAMA PERSEKUTUAN KAJANG	ANNADI	23 OKTOBER 2018
21.	PERSATUAN ALUMNI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH SAINS SULTAN MAHMUD	MySESMA	14 NOVEMBER 2018
22.	PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH MENENGAH SAINS SULTAN MOHAMAD JIWA, SG. PETANI	ASSAK	05 JANUARI 2019
23.	PERSATUAN BEKAS PELAJAR SEK. MENENGAH SAINS DUNGUN	EX-SEMESDIANS	23 JANUARI 2019
24.	PERSATUAN BEKAS PELAJAR SEKOLAH MENENGAH SAINS TENGKU ABDULLAH RAUB	ASTA	20 FEBRUARI 2019
25.	PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH MENENGAH AGAMA PERSEKUTUAN LABU	IKMAL	20 FEBRUARI 2020

26.	PERSATUAN ALUMNI SBP INTEGRASI TEMERLOH TEMERLOH	AITEM	20 FEBRUARI 2020
27.	PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH MENENGAH SAINS POKOK SENA KEDAH	ALUMNI SAINA	12 DISEMBER 2020
28.	PERSATUAN ALUMNI, SEKOLAH MENENGAH SAINS KUALA SELANGOR	KUASA	06 OOGOS 2022
29.	PERTUBUHAN ALUMNI SAINS PASIR PUTEH	PASPP	31 OKTOBER 2022
30.	PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH MENENGAH SAINS, MUAR, JOHOR (ALUMNI SAMURA)	Alumni SAMURA	02 NOVEMBER 2022
31.	GOMBAK INTEGRATED BOARDING SCHOOL ASSOCIATION	GIBSA	2 DISEMBER 2022
32	ALUMNI SEKOLAH BERASRAMA PENUH INTEGRASI SELANDAR	EXSEL	14 MEI 2025
33	PERSATUAN ALUMNI SM SAINS TUANKU MUNAWIR	SASEROBA	29 MEI 2025
34	PERTUBUHAN ALUMNI SEKOLAH MENENGAH SAINS ALAM SHAH	OASIS	30 MEI 2025
35	PERSATUAN ALUMNI SEMASHUR 2024	ASHURA	10 JUN 2025
36	PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH MENENGAH SAINS RAJA TUN AZLAN SHAH TAIPING	SERATAS ALUMNI	11 JUN 2025

PEMERHATI

Bil	Persatuan Alumni	Nama Singkatan	Pemerhati Sejak
1.	ALUMNI SBP INTEGRASI TUN ABDUL RAZAK	INSTAREX	02 Mac 2019
2.	PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH MENENGAH SAINS JOHOR	SAJOHA	10 September 2020
3.	ORGANIZATION OF EX-STUDENTS OF INTEGRASI KUBANG PASU	OXSIKA	10 September 2020
4.	PERSATUAN ALUMNI SM SAINS KUALA TERENGGANU	SESTER	13 Disember 2020
5.	PERSATUAN ALUMNI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH SAINS HULU TERENGGANU	SHUTERA	10 September 2020
6.	PERSATUAN BEKAS PELAJAR SEKOLAH BERASRAMA PENUH INTEGRASI BATU RAKIT	ALUMNI BRAINS	10 September 2020
7.	SMS SERI PUTERI ALUMNI ASSOCIATION	ORKEDS	14 Mac 2020
8.	PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH MENENGAH SAINS KUCHING, SARAWAK	ALUMNI SAINSKU	10 September 2020
9.	TUANKU AISHAH ROHANI ALUMNI	TIARA	2024
10.	PERSATUAN ALUMNI SM SAINS SULTAN ISKANDAR, MERSING	ALUMNI SMS MERSING	08 Mei 2025

